

11/03/1998

Keluaran industri tempatan tiada kurangnya

KEMPEN beli barangan buatan Malaysia dan membangunkan teknologi tulen tempatan kembali diwawarkan secara agresif ketika kemelut ekonomi melanda negara.

Berkelip mata saja, ramai yang tiba-tiba tersedar daripada khayalan indah yang selama ini membuai segenap perasaan dan sanubari.

Ketika mewah, semua diimport, tidak kira bahan makanan mahu pun bahan untuk industri kerana menurut pengajian ahli ekonomi, adalah lebih baik mengimport disebabkan ia lebih murah berbanding kita keluarkan sendiri.

Disebabkan keghairahan mengimport semua jenis barangan menyebabkan kita terlupa satu perkara, bahawa orang lain mudah mempermainkan ekonomi kita. Dan yang lebih parah jika wujudnya penjajahan baru dalam bentuk ekonomi yang akan dipaksakan walaupun kita tidak menyukainya.

Kerajaan melalui pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyedari perlunya negara mengeluarkan teknologi tulen hasil ciptaan rakyat tempatan. Beliau memperkenalkan pelbagai langkah, insentif dan cara untuk menggalakkan lebih ramai rakyat tempatan menyertai industri berteknologi tinggi.

Daripada pembuatan besi dan keluli yang menjadi asas kepada proses perindustrian negara, kita melangkah kepada membuat kenderaan, mengeluarkan kapal terbang dan yang terbaru ialah merebut peluang tercipta kerana Revolusi Digital melalui inisiatif Koridor Raya Multimedia (MSC).

Tujuan beliau adalah jelas, kita perlu menyertainya sama ada suka atau tidak bukan untuk tujuan mencari kekayaan semata-mata tetapi demi kemandirian negara pada dekad akan datang, terutamanya apabila pasaran ekonomi negara dibuka kepada syarikat asing melalui perjanjian dengan WTO.

Dalam industri perisian komputer misalnya, kita masih lagi berbangga dengan mengimport produk daripada luar negara walaupun terpaksa membayar harga yang tinggi.

Kawan difahamkan, kita sudah berjaya membangunkan sistem operasi (OS) yang amat penting kepada komputer. Namun ia belum berjaya diketengahkan di pasaran disebabkan standard industri lebih memberatkan OS ciptaan Pendekar Bill Gate.

Pendekar Gate ini yang sudah menjadi jutawan lagi hartawan kerana produk jualannya kini akan mengukuhkan cengkamannya dengan produk terbaru, Windows 98, yang sebenarnya adalah perisian sama tetapi ditambah beberapa fungsi untuk menunjukkan seolah-olah ia canggih.

Fungsi berkenaan sebenarnya boleh dimasukkan sekali gus dalam Windows 95 jika dia mahu. Bagaimanapun, demi kepentingan dan strategi perniagaan, pendekar itu sengaja berbuat demikian yang mana akhirnya kita sebagai pengguna terpaksa menanggung perbelanjaan tambahan.

Ini yang kawan tidak faham kenapa rakyat Malaysia kurang menitikberatkan barangan tempatan, sebaliknya mendewakan produk luar negara. Kegawatan ekonomi yang melanda negara sekarang boleh disifatkan rahmat tersembunyi untuk kita bermuhasabah sifat mengenai tanggapan produk keluaran tempatan.

Kita perlu mengubah pandangan terhadap produk luar lebih baik, produk kita second class. Sebenarnya, tiada beza antara produk keluaran tempatan dengan asing kecuali bagaimana ia dipasarkan.

Halangan psikologi dan rasa rendah diri perlu dikikis untuk menjayakan rancangan kerajaan menggalakkan orang ramai membeli barangan buatan. Tanpa rasa bangga terhadap produk tempatan, sebenarnya kita tidak akan ke mana dan selamanya kita menganggap barangan Malaysia low class.

Lebih hina lagi jika orang lain perlu mengajar kita produk apa yang baik untuk kita gunakan dalam kehidupan sehari-hari.

Kawan: Sokong industri tempatan walau apa jua keadaan

(END)